

Headline **Kesedaran alam sekitar**
Date **17 Feb 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **L-28**
Article Size **347 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,361**
PRValue **22,082**



Kesedaran alam sekitar

70,443 pelajar sertai program anjuran Tetra Pak, Kementerian Pelajaran, FRIM

TETRA Pak (Malaysia) Sdn Bhd (Tetra Pak), syarikat berdasarkan pemprosesan dan pembungkusan makanan dunia melancarkan program kesedaran alam sekitar 'Nurture for Nature' bertujuan mendidik generasi muda pentingnya usaha berkenaan.

Program kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), membabitkan penyertaan 50 sekolah sekitar Lembah Klang dengan penyertaan 70,443 murid.

Pengarah Komunikasi dan Alam Sekitar Tetra Pak, Terrynz Tan, berkata program dipenuhi dengan pelbagai aktiviti antaranya ceramah pendidikan, pertandingan kitar semula kotak minuman selain menubuhkan Kelab Renjer Alam Sekitar.

Ceramah alam sekitar kata beliau, akan berlangsung pada Februari dan Mac, manakala pertandingan mengumpul kotak minuman pula diadakan hingga pertengahan Oktober dengan dibahagikan kepada dua kategori iaitu antara kelas dengan sekolah.

"Setiap sekolah dilengkapi papan notis yang dikenali Sudut Tetra Pak. Notis akan memaklumkan perkembangan dari semasa ke semasa mengenai jumlah kutipan kotak minuman terpakai."

"Kami juga akan membantu sekolah menubuhkan Kelab Renjer Alam Sekitar yang bertanggungjawab membantu guru menjayakan pertandi-



MOHD ANUAR (tengah) dan Terrynz (kiri) bersama pelajar Sekolah Kebangsaan Seksyen 9 Shah Alam, Selangor, ketika pelancaran program Nurture for Nature, baru-baru ini.

ngan dianjurkan.

"Ahli bertanggungjawab sebagai perantara dan mendorong rakan supaya lebih proaktif terhadap isu alam sekitar," katanya melancarkan pertandingan berkenaan di Sekolah Kebangsaan Seksyen 9, di Shah Alam, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM, Mohd Anuar Abdul Hamid dan Pengarah Program Eko-Pelancongan dan Hutan Bandar, Jabatan Perhutanan dan Alam Sekitar FRIM, Dr Noor Azlin Yahya.

Terrynz berkata, sekolah yang mencapai kutipan kotak terbanyak akan menerima hadiah wang tunai RM5,000, tempat kedua RM3,000 dan ketiga (RM2,000).

"Kami juga menyediakan hadiah bulanan kepada sekolah dan kelas yang berjaya membuat kutipan tertinggi sebagai galakan untuk terus berusaha menjadikan aktiviti kitar semula sebagai amalan murni."

"Tetra Pak akan mendermakan jumlah yang sama dengan nilai kutipan dari setiap sekolah kepada FRIM untuk menyokong projek Pusat Pendidikan Alam Sekitar yang

akan ditubuhkan.

"Pusat ini berfungsi sebagai tapak menjayakan aktiviti seperti ceramah, bengkel dan program berkumpulan kepada orang ramai, terutamanya kanak-kanak berusia lima hingga 15 tahun," katanya.

Sementara itu, Mohd Anuar berkata, kanak-kanak perlu belajar mengenai usaha pemuliharaan dunia pada usia muda memandangkan peningkatan masalah alam sekitar semakin meruncing.

"Sekolah adalah institusi terbaik dalam memupuk kesedaran pentingnya menjaga alam sekitar di kalangan generasi muda hari ini," katanya.